

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS**
17 APRIL 2020

PERKARA : 5(B)(XV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

26. Apakah status *Penang Transport Master Plan* (PTMP)?
- (a) Adakah kaedah pembiayaan pelaksanaan PTMP telah dimuktamadkan?
 - (b) Huraikan cadangan penyelesaian terhadap impak yang diterima di sepanjang jajaran LRT?
 - (c) Huraikan cadangan penyelesaian terhadap impak yang diterima oleh kampung dan nelayan akibat projek PSR.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

26. Pihak Kerajaan Negeri kini sedang dalam tindakan pelaksanaan projek PTMP yang dilihat sebagai Projek Transformasi Ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang. Status terkini pelaksanaan PTMP yang terbahagi kepada beberapa komponen penting projek dan menjadi keutamaan kerajaan negeri buat masa ini adalah seperti berikut:

- (a) **Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT)**

Fasa 1 LRT Laluan Bayan Lepas telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) pada 21 Februari 2020 dengan 63 syarat. Kerajaan Negeri juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara (JWN) dan pihak UNESCO dalam melaksanakan *Conservation Management Plan* (CMP) bagi Laporan Kajian Penilaian Impak Warisan (HIA) yang telah diluluskan oleh UNESCO pada 3 September 2019 untuk kawasan-kawasan yang terlibat. Selain itu, Kerajaan Negeri juga masih dalam tindakan memuktamadkan skim

rel serta mendapatkan kelulusan pengesahan skim rel dari pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang dijangka akan dimuktamadkan sebelum akhir Jun 2020. Kerja-kerja reka bentuk terperinci dan tender terbuka bagi projek BLLRT akan dilaksanakan pada suku keempat (4) tahun ini.

(b) **Pan Island Link (PIL)**

Projek PIL telah mendapat kelulusan bagi Laporan EIA pada 10 April 2019 dengan 56 syarat. Kerja-kerja reka bentuk terperinci dan tender terbuka bagi projek PIL 1 akan dilaksanakan pada suku keempat (4) tahun ini.

(c) **Penang South Reclamation (PSR)**

Projek PSR telah dibentangkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 18 April 2019. MPFN telah memberi 18 nasihat bagi pelaksanaan projek ini. Selain itu, projek ini juga telah mendapat kelulusan EIA pada 25 Jun 2019 dengan 72 syarat. PSR juga telah memperoleh surat kelulusan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) daripada PLAN Malaysia pada 27 Ogos 2019. Secara keseluruhannya, Projek PSR telah mendapat kesemua kelulusan wajib yang diperlukan daripada Kerajaan Persekutuan dan kini dalam fasa menyediakan reka bentuk dan penyediaan dokumen-dokumen tender. Kerajaan Negeri bersama dengan rakan pelaksana *Project Delivery Partner* (PDP) juga sedang memperhalusi langkah-langkah mitigasi bagi meminimakan impak sosial dan alam sekitar sebelum projek bermula secara fizikal. Tender dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun 2020 manakala kerja-kerja tebus guna tanah dijadualkan bermula pada awal tahun 2021.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif menganjurkan *Master Design Competition* (MDC) di mana syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang berminat dalam penyediaan reka bentuk dapat mengambil bahagian dalam MDC. Setakat ini, lima (5) syarikat telah dipilih ke pusingan akhir bagi pertandingan tersebut dan keputusan pemenang yang berjaya akan ditentukan

selepas penilaian terperinci dilakukan dalam waktu terdekat.

(d) **Jalan-Jalan Utama dan Terowong**

Bagi Projek Jalan-Jalan Utama, kelulusan wajib yang diperlukan iaitu kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) telah diperolehi pada 7 November 2017 dengan 59 syarat. Kerajaan Negeri telah pun menandatangani perjanjian bagi fasa pembinaan untuk salah satu pakej projek Jalan-Jalan Utama iaitu Paket 2 (Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam). Kerja-kerja awalan bagi fasa pembinaan Paket 2 telah dijalankan bermula pada 31 Oktober 2019. Kerajaan Negeri telah menetapkan fasa pembinaan Paket 2 dimulakan terlebih dahulu dan disusuli oleh fasa pembinaan bagi pakej-pakej jalan yang lain. Bagi projek Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang (Paket 1) dan Jalan Pintasan dari Persiaran Gurney ke Tun Dr. Lim Chong Eu (Paket 3), pihak kontraktor kini sedang dalam tindakan memuktamadkan pindaan reka bentuk terperinci. Manakala untuk Terowong Dasar Laut (Paket 4), pihak Kerajaan Negeri masih dalam tindakan memuktamadkan kelulusan bagi draf kajian kebolehlaksanaan kepada pihak kontraktor.

Secara amnya, projek-projek di bawah PTMP telah mendapat hampir kesemua kelulusan wajib yang diperlukan dari agensi-agensi kerajaan untuk memulakan proses fasa pembinaan. Kerajaan Negeri bersama dengan rakan pelaksana bagi projek BLLRT, PIL 1 serta PSR dan pihak kontraktor bagi projek Paket 2 sedang memperhalusi langkah-langkah mitigasi bagi menangani impak sosial dan alam sekitar yang perlu dilaksanakan sebelum projek bermula secara fizikal.

(i) Kaedah pembiayaan pelaksanaan PTMP yang telah dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

(a) **Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT), Penang South Reclamation (PSR) dan Pan Island Link 1 (PIL 1)**

Ketiga-tiga pembiayaan projek ini adalah melalui penubuhan bon dan juga menerusi penjualan tanah PSR.

(b) **Projek-Projek Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang**

Kaedah pembiayaan kos pembinaan bagi Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang adalah menerusi pembayaran secara pemberi milikan tanah mengikut nilai projek.

(ii) Impak yang diterima di sepanjang jajaran LRT terbahagi kepada dua (2) iaitu pengambilan balik tanah dan pembinaan. Cadangan penyelesaian terhadap impak pengambilan balik tanah adalah seperti berikut:

(a) Pelaksanaan Projek LRT tidak akan mengambil mana-mana tanah masjid, tanah perkuburan atau tanah wakaf terutamanya bagi kawasan pembangunan semula Masjid Sg. Nibong.

(b) Terdapat beberapa rumah ibadat, stesen petrol dan tapak pemaju swasta yang terletak berdekatan dengan jajaran LRT dan terlibat dalam pelan cadangan kemudahan bagi stesen LRT. Kerajaan Negeri akan cuba mengelakkan pengambilan balik tanah bagi rumah ibadat dan stesen petrol. Manakala, bagi kerja-kerja pengambilan balik tanah yang tidak dapat dielakkan selepas jajaran LRT dimuktamadkan, pemilik tanah yang terkesan akan dihubungi oleh pihak agensi kerajaan untuk urusan pengambilan balik tanah dan diberikan pampasan

mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.

Manakala impak semasa kerja-kerja pembinaan di sepanjang jajaran LRT melibatkan pencemaran bunyi, kesesakan lalu lintas dan lain-lain kawasan berhampiran dengan perumahan, sekolah dan kilang. Cadangan penyelesaian terhadap impak ketika fasa pembinaan adalah seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan Projek LRT akan menggunakan kaedah penanaman cerucuk (*piling*) yang kurang menghasilkan bunyi seperti “*bore piling*” dan mengelakkan kerja *piling* pada masa tertentu agar kurang mengganggu penduduk atau pelajar sekolah;
- (ii) Kerja-kerja pembinaan yang membawa bunyi bising juga akan dihentikan semasa musim peperiksaan di kawasan yang berhampiran dengan sekolah. Pihak Kerajaan Negeri akan terus berbincang dan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri dalam hal-hal yang berkaitan dengan sekolah;
- (iii) Satu Pelan Pengurusan Trafik akan disediakan dan dilaksanakan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas semasa pembinaan;
- (iv) Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan sistem Pengurusan Aduan, Trafik, Perhubungan Awam dan Selenggara (PANTAS) yang akan berfungsi menerima aduan orang awam semasa pelaksanaan komponen-komponen PTMP; dan

- (v) Pelan pengurusan landskap dan konservasi pokok akan memastikan setiap pokok yang ditebang akan digantikan dengan sepohon pokok yang ditanam di lokasi yang lain. Pokok yang boleh dipindahkan akan ditanam di tempat lain dan dipelihara.
- (c) Kerajaan Negeri bersama rakan pelaksana projek sentiasa mengenalpasti impak sosial di kawasan penempatan sekitar projek PSR. *Social Impact management Plan* (SIMP) bagi projek PSR telah pun disediakan untuk meminimakan kesan daripada pelaksanaan projek tersebut. Cadangan penyelesaian terhadap impak yang diterima oleh nelayan akibat projek PSR adalah seperti berikut:
- (i) Mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang akuakultur, perikanan laut dalam, teksi air, perindustrian, keusahawanan serta dalam bidang perikanan pelancongan dan rekreasi;
 - (ii) Penambahbaikan dari segi Pendidikan dan kemahiran untuk rakyat tempatan, nelayan dan anak-anak mereka;
 - (iii) 30% perumahan awam akan diperuntukkan dan keutamaan akan diberikan kepada para nelayan yang layak melalui skim sewa-beli; dan
 - (iv) Penambahbaikan infrastruktur tempatan seperti melaksanakan program tebatan banjir, program peningkatan mutu air sungai, membina jeti terapung, pengindahan dan pengukuhkan kawasan pesisir pantai, program penambahbaikan dan pemuliharaan kampung dan menaik taraf jalan raya.

Selain itu Jawatankuasa *Taskforce Nelayan* yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan juga sedang meneliti cadangan-cadangan yang telah dikenal pasti dalam

laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi pelaksanaan projek *Penang South Reclamation* (PSR) merangkumi langkah-langkah mitigasi jangka masa panjang dan jangka masa pendek serta penambahbaikan ekosistem dan kehidupan habitat di kawasan Selatan Pulau Pinang seperti berikut:

- (a) Program penanaman bakau;
- (b) Pelabuhan tukun tiruan;
- (c) Pelepasan benih ikan dan udang;
- (d) Pemasangan *Fish Aggregating Device* (FAD)/ Unjam;
- (e) Pelaksanaan struktur bersifat ekologi (*eco-engineering*) pada lapis lindung pulau buatan; dan
- (f) Penyediaan dana untuk kajian dan penyelidikan berkaitan laluan migrasi udang, penyu dan terumbu karang.

Cadangan penyelesaian terhadap impak yang diterima di sepanjang jajaran LRT

Isu / Impak	Cadangan Penyelesaian
Pengambilan tanah:	
i) Tapak pembangunan semula Masjid Sg Nibong Besar	Projek LRT tidak akan mengambil mana-mana tanah masjid, tanah perkuburan atau tanah wakaf. Lokasi pembangunan semula Masjid Sg Nibong Besar tidak terjejas dan projek pembinaan telah bermula dalam bulan Januari 2020 yang lepas.
ii) Beberapa rumah di kawasan perkampungan (contohnya Kg Binjai, Kg Baru dan Kg Seronok)	Kerajaan Negeri akan membantu mereka yang terkesan dalam menangani isu perumahan sekiranya rumah mereka terlibat dalam pembangunan LRT. Perkara ini masih bergantung kepada kelulusan muktamad projek LRT. Pihak agensi kerajaan yang berkaitan akan menghubungi pemilik tanah untuk urusan pengambilan tanah dan pampasan mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.
iii) Stesen petrol Shell Jelutong dan Caltex Bukit Jambul	a) Terdapat beberapa rumah ibadat, stesen petrol dan tapak pemaju swasta yang terletak berdekatan dengan jajaran LRT dan terlibat dalam pelan cadangan kemudahan bagi stesen LRT.
iv) Tapak pemaju Ideal Property di Jalan Tengah	Kerajaan Negeri telah meminta pihak konsultan untuk menyemak semula pelan dan reka bentuk cadangan untuk mengurangkan atau mengelakkan pengambilan tapak-tapak tersebut.
v) Tapak di depan Tokong Ular, Bayan Lepas yang digunakan untuk tujuan sembahyang	b) Jajaran LRT yang dicadangkan telah mengambil kira impak sosial yang mungkin terhasil dari pembangunan projek tersebut. Bagi pengambilan tanah yang tidak dapat dielakkan selepas jajaran LRT dimuktamadkan,

	<p>pemilik tanah yang terkesan akan dihubungi oleh pihak agensi Kerajaan untuk urusan pengambilan tanah dan pampasan mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.</p>
Impak pembinaan: <ul style="list-style-type: none"> - Pencemaran bunyi, kesesakan lalu lintas dan lain-lain di kawasan berhampiran dengan perumahan, sekolah dan kilang 	<p>Potensi impak dan langkah-langkah mitigasi yang dinyatakan didalam Laporan Penilaian Kesan Impak Alam Sekitar (EIA) yang telah diluluskan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan dilaksanakan sepenuhnya.</p> <p>Sebagai contoh, penahan/penghalang bunyi akan dipasang untuk mengurangkan impak pencemaran bunyi. Penahan bunyi juga akan dipasang di beberapa lokasi yang dikenalpasti semasa LRT mula beroperasi.</p> <p>Kontraktor juga akan menggunakan kaedah penanaman cerucuk (<i>piling</i>) yang kurang menghasilkan bunyi seperti “<i>bore piling</i>” dan mengelakkan kerja <i>piling</i> pada masa tertentu agar kurang mengganggu penduduk atau pelajar sekolah.</p> <p>Kerja pembinaan yang bising juga akan dihentikan semasa musim peperiksaan di kawasan yang berhampiran dengan sekolah. Pihak Kerajaan Negeri akan terus berbincang dan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri dalam hal-hal yang berkaitan dengan sekolah.</p> <p>Satu Pelan Pengurusan Trafik akan disediakan dan dilaksanakan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas semasa pembinaan.</p>

	<p>Satu talian “<i>hotline</i>” 24 jam dan pasukan tindakan kecemasan juga akan diadakan untuk menangani isu-isu yang berbangkit semasa pembinaan.</p> <p>Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan sistem Pengurusan Aduan, Trafik, Perhubungan Awam dan Selenggara (Pantas) yang akan berfungsi menerima aduan orang awam semasa pelaksanaan komponen-komponen PTMP.</p> <p>Bagi menangani kehilangan pokok di sepanjang jajaran LRT, pelan pengurusan landskap dan konservasi pokok akan memastikan setiap pokok yang ditebang akan digantikan dengan sepohon pokok yang ditanam di lokasi yang lain. Pokok yang boleh dipindahkan akan ditanam di tempat lain dan dipelihara.</p>
--	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XV)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TAMBUN
YB. GOH CHOON AIK**

26. Apakah status *Penang Transport Master Plan* (PTMP)?
 - (a) Adakah kaedah pembiayaan pelaksanaan PTMP telah dimuktamadkan?
 - (b) Huraikan cadangan penyelesaian terhadap impak yang diterima di sepanjang jajaran LRT?
 - (c) Huraikan cadangan penyelesaian terhadap impak yang diterima oleh kampung dan nelayan akibat projek PSR.

JAWAPAN OLEH Y.A.B. KETUA MENTERI

26. Pihak Kerajaan Negeri kini sedang dalam tindakan pelaksanaan projek PTMP yang dilihat sebagai Projek Transformasi Ekonomi bagi Negeri Pulau Pinang. Status terkini pelaksanaan PTMP yang terbahagi kepada beberapa komponen penting projek dan menjadi keutamaan kerajaan negeri buat masa ini adalah seperti berikut:

- (a) **Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT)**

Fasa 1 LRT Laluan Bayan Lepas telah mendapat kelulusan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) pada 21 Februari 2020 dengan 63 syarat. Kerajaan Negeri juga sedang bekerjasama dengan Jabatan Warisan Negara (JWN) dan pihak UNESCO dalam melaksanakan *Conservation Management Plan* (CMP) bagi Laporan Kajian Penilaian Impak Warisan (HIA) yang telah diluluskan oleh UNESCO pada 3 September 2019 untuk kawasan-kawasan yang terlibat. Selain itu, Kerajaan Negeri juga masih dalam tindakan memuktamadkan skim

rel serta mendapatkan kelulusan pengesahan skim rel dari pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) yang dijangka akan dimuktamadkan sebelum akhir Jun 2020. Kerja-kerja reka bentuk terperinci dan tender terbuka bagi projek BLLRT akan dilaksanakan pada suku keempat (4) tahun ini.

(b) **Pan Island Link (PIL)**

Projek PIL telah mendapat kelulusan bagi Laporan EIA pada 10 April 2019 dengan 56 syarat. Kerja-kerja reka bentuk terperinci dan tender terbuka bagi projek PIL 1 akan dilaksanakan pada suku keempat (4) tahun ini.

(c) **Penang South Reclamation (PSR)**

Projek PSR telah dibentangkan kepada Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) pada 18 April 2019. MPFN telah memberi 18 nasihat bagi pelaksanaan projek ini. Selain itu, projek ini juga telah mendapat kelulusan EIA pada 25 Jun 2019 dengan 72 syarat. PSR juga telah memperoleh surat kelulusan Laporan Penilaian Impak Sosial (SIA) daripada PLAN Malaysia pada 27 Ogos 2019. Secara keseluruhannya, Projek PSR telah mendapat kesemua kelulusan wajib yang diperlukan daripada Kerajaan Persekutuan dan kini dalam fasa menyediakan reka bentuk dan penyediaan dokumen-dokumen tender. Kerajaan Negeri bersama dengan rakan pelaksana *Project Delivery Partner* (PDP) juga sedang memperhalusi langkah-langkah mitigasi bagi meminimakan impak sosial dan alam sekitar sebelum projek bermula secara fizikal. Tender dijangka akan dilaksanakan pada akhir tahun 2020 manakala kerja-kerja tebus guna tanah dijadualkan bermula pada awal tahun 2021.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga telah mengambil inisiatif menganjurkan *Master Design Competition* (MDC) di mana syarikat-syarikat tempatan dan antarabangsa yang berminat dalam penyediaan reka bentuk dapat mengambil bahagian dalam MDC. Setakat ini, lima (5) syarikat telah dipilih ke pusingan akhir bagi pertandingan tersebut dan keputusan pemenang yang berjaya akan ditentukan

selepas penilaian terperinci dilakukan dalam waktu terdekat.

(d) **Jalan-Jalan Utama dan Terowong**

Bagi Projek Jalan-Jalan Utama, kelulusan wajib yang diperlukan iaitu kelulusan *Environmental Impact Assessment* (EIA) telah diperolehi pada 7 November 2017 dengan 59 syarat. Kerajaan Negeri telah pun menandatangani perjanjian bagi fasa pembinaan untuk salah satu pakej projek Jalan-Jalan Utama iaitu Pakej 2 (Jalan Pintasan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu ke Ayer Itam). Kerja-kerja awalan bagi fasa pembinaan Pakej 2 telah dijalankan bermula pada 31 Oktober 2019. Kerajaan Negeri telah menetapkan fasa pembinaan Pakej 2 dimulakan terlebih dahulu dan disusuli oleh fasa pembinaan bagi pakej-pakej jalan yang lain. Bagi projek Jalan Berkembar dari Tanjung Bungah ke Teluk Bahang (Pakej 1) dan Jalan Pintasan dari Persiaran Gurney ke Tun Dr. Lim Chong Eu (Pakej 3), pihak kontraktor kini sedang dalam tindakan memuktamadkan pindaan reka bentuk terperinci. Manakala untuk Terowong Dasar Laut (Pakej 4), pihak Kerajaan Negeri masih dalam tindakan memuktamadkan kelulusan bagi draf kajian kebolehlaksanaan kepada pihak kontraktor.

Secara amnya, projek-projek di bawah PTMP telah mendapat hampir kesemua kelulusan wajib yang diperlukan dari agensi-agensi kerajaan untuk memulakan proses fasa pembinaan. Kerajaan Negeri bersama dengan rakan pelaksana bagi projek BLLRT, PIL 1 serta PSR dan pihak kontraktor bagi projek Pakej 2 sedang memperhalusi langkah-langkah mitigasi bagi menangani impak sosial dan alam sekitar yang perlu dilaksanakan sebelum projek bermula secara fizikal.

(i) Kaedah pembiayaan pelaksanaan PTMP yang telah dimuktamadkan oleh Kerajaan Negeri adalah seperti berikut:

(a) **Bayan Lepas Light Rail Transit (BLLRT), Penang South Reclamation (PSR) dan Pan Island Link 1 (PIL 1)**

Ketiga-tiga pembiayaan projek ini adalah melalui penubuhan bon dan juga menerusi penjualan tanah PSR.

(b) **Projek-Projek Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang**

Kaedah pembiayaan kos pembinaan bagi Projek Jalan-Jalan Utama dan Terowong di Pulau Pinang adalah menerusi pembayaran secara pemberi milikan tanah mengikut nilai projek.

(ii) Impak yang diterima di sepanjang jajaran LRT terbahagi kepada dua (2) iaitu pengambilan balik tanah dan pembinaan. Cadangan penyelesaian terhadap impak pengambilan balik tanah adalah seperti berikut:

(a) Pelaksanaan Projek LRT tidak akan mengambil mana-mana tanah masjid, tanah perkuburan atau tanah wakaf terutamanya bagi kawasan pembangunan semula Masjid Sg. Nibong.

(b) Terdapat beberapa rumah ibadat, stesen petrol dan tapak pemaju swasta yang terletak berdekatan dengan jajaran LRT dan terlibat dalam pelan cadangan kemudahan bagi stesen LRT. Kerajaan Negeri akan cuba mengelakkan pengambilan balik tanah bagi rumah ibadat dan stesen petrol. Manakala, bagi kerja-kerja pengambilan balik tanah yang tidak dapat dielakkan selepas jajaran LRT dimuktamadkan, pemilik tanah yang terkesan akan dihubungi oleh pihak agensi kerajaan untuk urusan pengambilan balik tanah dan diberikan pampasan

mengikut peruntukan undang-undang di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.

Manakala impak semasa kerja-kerja pembinaan di sepanjang jajaran LRT melibatkan pencemaran bunyi, kesesakan lalu lintas dan lain-lain kawasan berhampiran dengan perumahan, sekolah dan kilang. Cadangan penyelesaian terhadap impak ketika fasa pembinaan adalah seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan Projek LRT akan menggunakan kaedah penanaman cerucuk (*piling*) yang kurang menghasilkan bunyi seperti “*bore piling*” dan mengelakkan kerja *piling* pada masa tertentu agar kurang mengganggu penduduk atau pelajar sekolah;
- (ii) Kerja-kerja pembinaan yang membawa bunyi bising juga akan dihentikan semasa musim peperiksaan di kawasan yang berhampiran dengan sekolah. Pihak Kerajaan Negeri akan terus berbincang dan bekerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri dalam hal-hal yang berkaitan dengan sekolah;
- (iii) Satu Pelan Pengurusan Trafik akan disediakan dan dilaksanakan untuk mengurangkan masalah kesesakan lalu lintas semasa pembinaan;
- (iv) Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan sistem Pengurusan Aduan, Trafik, Perhubungan Awam dan Selenggara (PANTAS) yang akan berfungsi menerima aduan orang awam semasa pelaksanaan komponen-komponen PTMP; dan

- (v) Pelan pengurusan landskap dan konservasi pokok akan memastikan setiap pokok yang ditebang akan digantikan dengan sepojon pokok yang ditanam di lokasi yang lain. Pokok yang boleh dipindahkan akan ditanam di tempat lain dan dipelihara.
- (c) Kerajaan Negeri bersama rakan pelaksana projek sentiasa mengenalpasti impak sosial di kawasan penempatan sekitar projek PSR. *Social Impact management Plan* (SIMP) bagi projek PSR telah pun disediakan untuk meminimalkan kesan daripada pelaksanaan projek tersebut. Cadangan penyelesaian terhadap impak yang diterima oleh nelayan akibat projek PSR adalah seperti berikut:
- (i) Mewujudkan peluang pekerjaan dalam bidang akuakultur, perikanan laut dalam, teksi air, perindustrian, keusahawanan serta dalam bidang perikanan pelancongan dan rekreasi;
 - (ii) Penambahbaikan dari segi Pendidikan dan kemahiran untuk rakyat tempatan, nelayan dan anak-anak mereka;
 - (iii) 30% perumahan awam akan diperuntukkan dan keutamaan akan diberikan kepada para nelayan yang layak melalui skim sewa-beli; dan
 - (iv) Penambahbaikan infrastruktur tempatan seperti melaksanakan program tebatan banjir, program peningkatan mutu air sungai, membina jeti terapung, pengindahan dan pengukuhkan kawasan pesisir pantai, program penambahbaikan dan pemuliharaan kampung dan menaik taraf jalan raya.

Selain itu Jawatankuasa *Taskforce Nelayan* yang dipengerusikan oleh Pengerusi Jawatankuasa MMK Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan juga sedang meneliti cadangan-cadangan yang telah dikenal pasti dalam

laporan *Environmental Impact Assessment* (EIA) bagi pelaksanaan projek *Penang South Reclamation* (PSR) merangkumi langkah-langkah mitigasi jangka masa panjang dan jangka masa pendek serta penambahbaikan ekosistem dan kehidupan habitat di kawasan Selatan Pulau Pinang seperti berikut:

- (a) Program penanaman bakau;
- (b) Pelabuhan tukun tiruan;
- (c) Pelepasan benih ikan dan udang;
- (d) Pemasangan *Fish Aggregating Device* (FAD)/ Unjam;
- (e) Pelaksanaan struktur bersifat ekologi (*eco-engineering*) pada lapis lindung pulau buatan; dan
- (f) Penyediaan dana untuk kajian dan penyelidikan berkaitan laluan migrasi udang, penyu dan terumbu karang.